


## Pengenalan

Keseluruhannya kewujudan unggas dalam peribahasa Melayu adalah sebanyak 207 buah. Peribahasa ini dapat dipecahkan lagi kepada beberapa subunggas yang lain seperti ayam (*Gallus gallus domesticus*) – 90 peribahasa (43%), burung (*Bird*) – 95 peribahasa (46%), itik (*Anas platyrhynchos*) – 21 peribahasa (21%) dan angsa (*Anserini*) – 1 peribahasa (1%). Pemilihan leksikal unggas dalam peribahasa Melayu ini dapat mengaitkan makna implisit serta pemikiran masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Oleh itu, dengan bantuan pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) di samping mengaplikasikan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986) berpandukan data korpus yang diperoleh daripada Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (PDK-DBP) serta *Malay Concordance Project (MCP)* dapat merungkai sebab pemilihan imej perlambangan unggas dalam peribahasa ini. Pendekatan sebegini mampu mengetengahkan makna sebenar peribahasa tersebut sehingga ke akal budi penuturnya atau keintelektualan masyarakat Melayu pada zaman dahulu.

## Metodologi Kajian



Rajah 2: Susur galur penganalisan kajian

## Dapatan Kajian

Rajah 1. Elemen perlambangan unggas dalam peribahasa Melayu

| Domain Unggas | Kebiasaan | Rezeki | Berhati-hati/teliti | Sia-sia | Khianat | Kekuasaan | Ironi | Jodoh | Jumlah Keseluruhan |
|---------------|-----------|--------|---------------------|---------|---------|-----------|-------|-------|--------------------|
| Ayam          | 18        | 16     | 15                  | 14      | 9       | 8         | 8     | 2     | 90                 |
| Burung        | 19        | 16     | 15                  | 12      | 10      | 9         | 9     | 5     | 95                 |
| Itik          | 6         | 3      | 2                   | 8       | -       | 2         | -     | -     | 21                 |
| Angsa         | -         | -      | -                   | -       | -       | 1         | -     | -     | 1                  |
| Jumlah        | 43        | 35     | 32                  | 34      | 19      | 20        | 17    | 7     | 207                |

## Contoh Analisis dan Perbincangan

### Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Domain kebiasaan sebagai merujuk kepada kelakuan manusia yang telah menjadi sinonim dalam kehidupan sehari-harian. Berikut merupakan contoh peribahasa Melayu yang telah dikelaskan dalam domain kebiasaan seperti yang terdapat pada Jadual 2.

Jadual 2: Contoh peribahasa Melayu berasosiasi dengan ayam yang dikelaskan dalam domain kebiasaan

| Peribahasa                             | Makna   | Leksikal | Rujukan         | Domain    |
|--|---|----------|-----------------|-----------|
| Seperti ayam patuk (= mematuk) anaknya | Menghukum anak: bukan untuk menyiksa tetapi untuk memperbaiki kelakuan anak | Ayam     | Mematuk anaknya | Kebiasaan |

### Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

#### Kenapakah ayam yang mematuk anaknya telah menjadi rujukan orang Melayu dahulu?

Anak ayam akan cepat belajar untuk mengenali tuan/ibunya sendiri dengan cara ibu ayam mematuknya. Perkara ini membantu anak ayam mendengar kata semasa proses mencari makanan serta melindungi anaknya daripada serangan musuh (Gondosuli, Muntulan, & Magelang, 2018). Melalui pengamatan sifat inilah, orang Melayu pada zaman dahulu mengasosiasikan kelakuan ayam ini dalam kehidupan seharian mereka. Selain itu, guru/ibu bapa bukanlah sengaja menghukum murid/anaknya tetapi, bertujuan untuk memperbaiki kelakuan anak mereka supaya menjadi insan yang berguna kelak. Jika dilihat dalam konteks Islam, merotan anak-anak dibenarkan selagi tidak mendatangkan kemudaratan atau kecederaan yang serius. Penggunaan rotan dalam mendidik anak-anak telah disarankan oleh Nabi Muhammad S.A.W. (Alwan, 1997). Penggunaan rotan tidak boleh digunakan dengan penuh amarah menguasai diri ibu bapa. Rotan hanyalah sebagai salah satu alat untuk mendidik anak-anak. Tetapi, ibu bapa tidak dapat terus menerus merotan anak-anak mereka sehingga cedera kerana perkara sebegini telah menyalahi undang-undang negara dan agama (Alau, 2015).

#### Maklumat Pengkaji:




**Muhammad Zaid Daud (17020194)** merupakan pelajar Sarjana Sastera (Linguistik) dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak. Tajuk tesis beliau ialah "Unggas dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif". Fokus kajian beliau tertumpu dalam bidang semantik (Semantik Inkuisitif) dan pragmatik.



**Dr. Fatimah Hj. Subet (Mary Fatimah Subet)** merupakan penyelia kepada Muhammad Zaid Daud. Beliau merupakan pensyarah kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak. Kajian beliau tertumpu dalam bidang bahasa dan linguistik, khususnya semantik dan pragmatik-Teori Relevans (TR).

## Sorotan Kajian Lepas



Rajah 1: Sorotan kajian lepas

## Kerangka Semantik Inkuisitif



Rajah 3: Kerangka Semantik Inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014)

### Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Proses kognitif dalam penciptaan peribahasa Melayu ini memberitahu kita bahawa masyarakat Melayu pada zaman dahulu menzahirkan kelakuan mematuk anak ayam sebagai menggambarkan perbezaan usia antara ayam dewasa dengan anak ayam.

#### Penerapan Rangka Rujuk Silang oleh Kempson (1986)

Berpandukan data korpus yang diperoleh daripada PDK-DBP dan *MCP* ini dapat dikaitkan pembuktian linguistik penggunaan peribahasa Melayu ini. Data korpus telah menyerlahkan penggunaan peribahasa ini, dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu yang sebenar.

i. Guru berhak untuk melaksanakan hukuman rotan kepada murid yang melanggar disiplin sekolah. Bukan sengaja pukul tapi, mendidik untuk masa hadapan budak itu juga. \*\*\*Sedangkan ayam pun mematuk anaknya\*\*\* nya. Inikan anak kita, manusia. Peneraju masa depan negara.

Peribahasa ini membawa makna yang positif dan disokong dengan analisis RRS. Frasa *guru berhak untuk melaksanakan hukuman rotan, bukan saja-saja mahu pukul, mendidik untuk masa hadapan* serta *peneraju masa depan negara* telah menjadi maklumat tambahan kepada pembaca memahami makna implisit peribahasa ini. Frasa *melanggar disiplin sekolah* membuktikan kesinambungan penggunaan peribahasa ini. Melalui RRS juga dapat menggambarkan masyarakat di Malaysia telah mendidik anak-anak/murid mereka dengan disiplin yang tegas.

#### Senarai Penerbitan

- Muhammad Zaid Daud. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal*, 3(1), 19-28.
- Muhammad Zaid Daud. (2018b). *Gallus gallus domesticus* dan *Paradoxurus hermaphroditus* dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019a). Ayam (*Gallus gallus domesticus*) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36-42.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019b). "Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik": Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 53-75.